



PESERTA UPM Fun Ride Bike bergambar kenangan di garisan penamat.

# KAYUHAN HIJAU DI UPM

100 sahut cabaran kekal kehijauan sempena kejayaan catat sejarah sebagai 'Green Campus'



**Fatim Farhana Japre**  
gen.y@hmetro.com.my

Seramai 100 penuntut Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang turun padang menjayakan kayuhan sihat Putrabike Fun Ride UPM 2017 anjuran Kolej Sultan Alaeddin Suleiman Shah (KOSASS), baru-baru ini.

Kayuhan sejauh lima kilometer (km) di kawasan sekitar UPM dengan kerjasama Koperasi UPM Berhad (KUPUTRA) bertujuan menyahut seruan pihak universiti mengekalkan kehijauan sekitar kampus sempena kejayaan mencatat sejarah negara sebagai 'Green Campus'.

Pengurusan alam sekitar yang hijau dan usaha ke arah kelestarian kampus menjadikan UPM tersenarai pada kedudukan ke-17 terbaik di dunia dalam penarafan UI-Greenmetric World University Ranking 2015.

Oleh itu, penuntut UPM juga didedahkan dengan aktiviti bersifat hijau dan alam semula jadi untuk



PESERTA teruja untuk menamatkan kayuhan.

mengekalkan kedudukan dan kejayaan yang dikecapi hari ini.

Pengarah program Muhammad Afif Zawawi Adnan, 20, berkata julung kali diadakan, kayuhan ini berjaya memberi kesedaran kepada penuntut pentingnya mengekalkan kecergasan tubuh badan pada tahap optimum sekali gus menyegarkan mata dengan menghayati kehijauan alam.

"Di kampus, kami digalakkan menggunakan basikal sebagai pengangkutan utama dalam usaha ke arah bebas asap kenderaan.

"Malah penuntut baru turut diberi rebat untuk membeli basikal daripada KUPUTRA.

"Oleh itu, kami mengambil inisiatif ini dengan menganjurkan kayuhan santai memandangkan kebanyakan peserta mempunyai basikal sendiri," katanya.

Katanya, kayuhan berkonsepkan santai sambil menghayati kehijauan alam sekitar kampus ini turut disertai oleh Pengetua Kolej Sultan Alaeddin Suleiman Shah Leftenan Kolonel Othman Jailani dan Pengerusi Koperasi UPM Berhad Dr Darilsyah Syahrial.

"Seawal 8.30 pagi, kayuhan dimulakan oleh Leftenan Kolonel Othman Jailani dan Dr Darilsyah Syahrial diikuti 100 peserta

Putrabike Fun Ride UPM 2017.

"Program berjalan dengan sempurna dan tiada peserta yang mengalami kecederaan.

"Kira-kira jam 10 pagi, semua peserta tiba di garisan penamat dan dijamu dengan makanan minggu.

"Pada masa hadapan, saya berharap program ini mendapat lebih banyak penyertaan selain mendedahkan golongan muda kepentingan memulihara alam sekitar," katanya.

Bagi memeriahkan acara, cabutan bertuah dengan pelbagai hadiah menarik turut disediakan seperti hamper, baju, kasut dan payung sumbangan khas dari KUPUTRA.

Peserta, Nadia Nadzirah Aminuddin, 18, mengaku teruja dapat menyertai kayuhan santai sebegini bersama rakannya.

"Ini pengalaman baru buat diri saya kerana berpeluang melakukan aktiviti fizikal sambil menjalani gaya hidup sihat pada hujung minggu.

"Diharap lebih banyak aktiviti kayuhan dianjurkan di kampus ini dan pastinya saya akan menyertainya lagi," katanya.

Komitmen UPM terhadap pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar diperlihatkan menerusi pelbagai aktiviti pengajaran, penyelidikan, kokurikulum dan sistem pengurusan kualiti berteraskan pengurusan alam sekitar yang berkesan.